

WILAYAH KU

BIL 51 27 DISEMBER 2019 - 2 JANUARI 2020

PERCUMA

PP19441/12/2018 (035014)

akbar wilayahku


WK TV

akbar wilayahku

@akbar wilayahku

mediawargakota

www.wilayahku.com.my



Selamat Tahun Baru
2020 kepada semua
pembaca Wilayahku



Peragaan bawa
tuah buat Ikeen >3



PERDANA Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad (tengah) bergambar bersama Presiden Turki, Recep Tayyip Erdogan (kiri) dan Presiden Iran, Hassan Rouhani pada Sidang Kemuncak Kuala Lumpur baru-baru ini.

Solidariti negara Islam

Sidang Kemuncak Kuala Lumpur tingkat kerjasama strategik sains dan teknologi, tangani ancaman Islamofobia

SIDANG Kemuncak Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Summit) yang berlangsung di ibu negara baru-baru ini berjaya menampilkkan kesediaan negara-negara Islam untuk saling

melakukan kerjasama strategik dalam menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi pada masa kini.

BERITA PENUH DI MUKA 2

Sidang Kemuncak KL komited perbaiki keadaan ummah, tingkat ekonomi dan teknologi

Kerjasama strategik negara Islam

KUALA LUMPUR – Sidang Kemuncak Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Summit) yang berlangsung di ibu negara baru-baru ini berjaya menampilkan kesediaan negara-negara Islam untuk saling bekerjasama strategik dalam menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi pada masa kini.

Bukan untuk menandingi Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) sebagaimana didakwa, sidang kemuncak tersebut memberikan penumpuan kepada pembangunan diperlukan negara-negara Islam, mewujudkan peluang dalam pelbagai bidang, memerangi rasuah dan mengamalkan tadbir urus yang baik, menangani krisis identiti dan ancaman Islamofobia.

Dalam perbincangan meja bulat pada sidang itu, Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, negara-negara Islam perlu menjadi kuat dan bebas supaya mereka mampu menolak campur tangan asing.

Dr. Mahathir yang juga Pengerusi sidang kemuncak itu menegaskan, pertumbuhan kepada negara-negara kuasa besar untuk dana misalnya turut menjadikan negara-negara yang bebas



TETAMU dan peserta memberikan tumpuan kepada ucapan pembukaan Sidang Kemuncak Kuala Lumpur baru-baru ini. Gambar ihsan Pejabat Perdana Menteri

terdedah kepada pengaruh luar.

"Campur tangan sentiasa ada dari negara-negara luar. Semua negara besar mahu mempengaruhi apa jua yang berlaku dalam negara kita," ujarnya.

Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan merasmikan pembukaan sidang kemuncak berkenaan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Sidang kemuncak itu dihadiri Emir Qatar Sheikh Tamim Hamad Al Thani; Presiden Turki, Recep Tayyip Erdogan dan Presiden Iran, Hassan Rouhani. Seramai lebih 450

peserta dari 56 negara hadir pada sidang dari 18 hingga 21 Disember lalu.

Majlis penutupan pula disempurnakan oleh Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah.

Turut hadir Menteri-menteri Kabinet tersebut Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad.

Sementara itu, dalam satu kenyataan pada akhir sidang itu, Dr. Mahathir berkata, Sidang Kemuncak Kuala Lumpur yang akan dijenamakan semula sebagai Dialog Perdana pada tahun depan mempelawa semua negara Islam menyertai usaha untuk melaksanakan kerjasama strategik pada masa akan datang.

Dr. Mahathir berkata, si-



SULTAN ABDULLAH (lima dari kanan) berkenan berangkat merasmikan pembukaan Sidang Kemuncak Kuala Lumpur di KLCC baru-baru ini.

dang kemuncak itu menyatakan komitmen untuk melaksanakan penyelesaian pragmatik untuk memulihkan ketamadunan Islam, memperbaiki keadaan semasa ummah dan memperluas jangkauan pembangunan ekonomi serta sains, teknologi dan inovasi untuk manfaat generasi akan datang.

Beliau berkata, sidang kemuncak itu memutuskan untuk memanfaatkan solidariti, kekuatan dan sumber untuk memangkinkan amanat yang diperbaharui dan kesungguhan ummah untuk meningkatkan kehidupan, memodenkan dan mencipta pendekatan baharu untuk menangani masalah dihadapi

umat Islam.

Dalam pada itu, Erdogan percaya Ankara dan Kuala Lumpur dapat meningkatkan kerjasama dalam kewangan Islam untuk manfaat bersama.

"Kami percaya Malaysia mempunyai kelebihan sebagai perintis dalam kewangan Islam," katanya.

Hassan pula berkata, ekonomi digital merupakan masa depan kepada ekonomi dunia dan ia hanya mampu dicapai menerusi jaringan kerjasama.

Antara kerjasama yang boleh dilakukan ialah mewujudkan mata wang kripto Islam dengan kerjasama bank-bank pusat negara masing-masing.

COE ditubuh, kongsi pengetahuan sains dan teknologi

KUALA LUMPUR – Sidang Kemuncak Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Summit) 2019 berjaya menubuhkan Pusat Kecemerlangan (COE) yang menggabungkan pakar-pakar daripada universiti terkemuka, makmal penyelidikan dan korporat.

Kumpulan Industri-Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT) dalam kenyataannya berkata, COE menyatukan organisasi berfikiran sama daripada negara-negara Islam untuk berkongsi pengetahuan dan kemudahan secara aktif bagi penciptaan dan reka bentuk bersama melalui keupayaan dan inisiatif kapasiti yang praktikal.

"Ini akan mendorong transformasi umat Islam sebagai pemain utama dalam bidang sains, teknologi dan inovasi dan mengembalikan zaman kegemilangan dan kecemerlangan Islam.

"COE juga berfungsi sebagai platform bebas dalam mempromosikan diplomasi sains dan saling melengkapi seterusnya menyumbang kepada Agenda Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu 2030," kata kenyataan itu pada sidang kemuncak berkenaan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini pada 18 hingga 21 Disember lalu.

COE merupakan inisiatif ke-

pada empat pengasas dan juga ahli iaitu Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia (LIPI), MIGHT, Pusat Pengajaran Kimia dan Biologi Antarabangsa Pakistan (ICCBS) dan Majlis Penyelidikan Sains dan Teknologi Turki (TUBITAK). MIGHT bertindak sebagai sekretariat sementara COE.

Kenyataan itu berkata, COE akan memberi penekanan kepada keperluan asas dan kualiti kehidupan iaitu keselamatan, makanan, kesihatan dan kesejahteraan, mobiliti, tenaga, utiliti dan maklumat.

"Kemajuan teknologi dalam bidang tersebut berpotensi besar untuk memenuhi keperluan asas ummah serta menerokai

inisiatif projek yang mempunyai masa hadapan kesan daripada kerjasama yang tinggi," katanya.

Selain itu, katanya, menaikkan kemajuan berkenaan ke dalam aktiviti perdagangan akan meningkatkan pekerjaan, merangsang pertumbuhan ekonomi serta memacu produktiviti dalam kalangan negara anggota.

"Anggaran semasa menunjukkan bahawa menjelang 2050, bilangan umat Islam di seluruh dunia akan meningkat kepada 2.76 bilion atau 29.7 peratus daripada penduduk dunia dari dalam dan di luar 50 negara majoriti muslim.

Pasaran yang berkembang ini membuka peluang besar untuk perdagangan dan pelaburan," katanya.

Padat tahun 2018, jumlah perdagangan eksport antara lima negara berjumlah AS\$32.48 bilion. Hanya kira-kira satu hingga tujuh peratus daripada jumlah eksport setiap negara yang didagangkan di dalam kumpulan, dengan Indonesia yang paling tinggi pada 7.31 peratus dan Turki paling rendah pada 1.31 peratus.

"Oleh itu, terdapat peluang yang mencukupi bagi negara masing-masing meningkatkan perdagangan antara satu sama lain," katanya.

Tuah Ikeen dalam dunia peragaan

Oleh AINI MAWAWI
ainiwilayahku@gmail.com

JIKA dahulu wanita cantik yang dikenali sebagai Siti Nurasyikin Mohamad Tamin ini cekap menguruskan urusan pentadbiran di pejabat kini dia lebih memilih berada di hadapan kamera.

Mengakui pernah keliru untuk meninggalkan kerjaya sebagai Setiausaha demi mengejar peluang dalam bidang peragaan, namun dia lekad untuk mencuba bidang baharu.

Mesra disapa Ikeen, wanita kelahiran Tanjung Karang, Selangor ini agak beruntung kerana karier sebagai model mampu mencecah puluhan ribu ringgit hanya dalam tempoh sebulan.

Menyingkap permulaan kerjayanya empat tahun lalu, Ikeen pada permulaannya hanya sekadar mencuba nasib dengan menyertai pertandingan pencarian wajah



anjuran Serindit Photo namun ternyata tuah menyebelahinya. "Alhamdulillah, saya tersenarai ke peringkat akhir dan wajah saya mula tersebar di media sosial. Sejak itu, saya menerima banyak tawaran untuk memperagakan tudung, busana produk kecantikan dan sebagainya," kata Ikeen.

Bermula dari itu juga, jadual Ikeen penuh dengan penggambaran dan kadang-kadang terpaksa ditolak kerana faktor masa. "Jadi, saya terpaksa melepaskan jawatan sebagai Setiausaha dan fokus terhadap bidang peragaan," katanya.

Sungguhpun menerima banyak tawaran sebagai model, Ikeen mengakui dia masih meletakkan harga berpatut untuk pelanggan yang menggunakan khidmatnya.

"Saya hanya mengenakan bayaran serendah RM200 sahaja bagi setiap slot selama satu jam.

Kadang-kadang dalam sehari mendapat lebih daripada empat slot," ujarnya.

Ditanya tentang perancangan kebangannya memandangkan pendapatan yang diterima agak lumayan, Ikeen mengakui dia perlu bijak mengurus wang.

"Tidak selamanya saya akan bergelar model. Jadi selagi ada peluang ini saya akan menggunakan dengan sebaik-baiknya. Saya juga berhasrat untuk membina label pakaian sendiri," ujarnya yang hanya menerima tawaran memperagakan busana yang menutup aurat.



'Pentas Kontena' semarakkan sambutan tahun baharu

Keunikan Malaysia di Ambang 2020

Oleh NAZWIN NAZRI
winwilayahku@gmail.com

KUALA LUMPUR – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MoTAC) akan menganjurkan Program Ambang 2020@Kuala Lumpur pada 31 Disember ini bermula pukul 10 pagi hingga 12.30 tengah malam di Dataran Merdeka di sini.

Program anjuran bersama Kementerian Wilayah Persekutuan serta Kementerian Komunikasi dan Multimedia itu dijadual dirasmikan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) MoTAC, Saraya Arbi berkata, Ambang 2020@ Kuala Lumpur merupakan acara khusus menjelang tahun baharu.

Jelas beliau, gabungan beberapa komponen acara dimulakan dengan peras-



SARAYA


mian Majlis Rumah Terbuka Malaysia Krismas 2019 dan Majlis Pelancaran Video Kempen Nilai-Nilai Murni diikuti persembahan Extravaganza Malaysia Time Capsule oleh Istana Budaya.

"Light Show in the Sky akan menjadi pertunjukan istimewa dan kemuncak bagi kempen Melawat Malaysia 2020 dalam tempoh 10 minit dengan 11 formasi istimewa yang menggambarkan

keunikan dan keistimewaan Malaysia di ambang 2020 kelak.

"Ia merupakan inisiatif kerajaan dalam memupuk perpaduan dan persefahaman masyarakat pelbagai kaum selain menyemarakkan pelancongan negara serta mengetengahkan tradisi menyambut perayaan seperti Krismas," katanya dalam satu kenyataan.

Menurut Saraya, program



PERSEMBAHAN tarian tradisional berwajahkan budaya Malaysia bakal dipersembahkan pada Ambang 2020@Kuala Lumpur di Dataran Merdeka pada 31 Disember ini.

berkenaan juga bertujuan menyemarakkan kempen nilai-nilai murni sebagai wadah pelancongan, seni dan budaya.

Ujar beliau, diharapkan kedatangan 30 juta pelancong asing ke negara ini dapat meningkatkan perbelanjaan sebanyak RM100 bilion sepanjang tahun hadapan.

Pada Ambang 2020 @ Kuala Lumpur nanti, pengunjung yang hadir akan dihibur-

kan dengan persembahan berkonsep 'Pentas Kontena' yang diacarakan Datuk AC. Mizal.

Terdapat 20 band yang akan memeriahkan pentas seperti Wings (Awie), Hujan, Masdo, Santesh, Ismail Izzani, Sarah Suhairi, Nabila Razali, Andy Bernadee, Fuying dan Sam, Bunkface, Ella dan Pop Shuvit.

Konsert itu juga akan dimeriahkan dengan kehadiran

Datuk Jefrydin (Pop Yeh Yeh), Elvira Mentor (Oldies), Asmidar (Irama Malaysia), Siti Nordiana (Pop Balada) dan Hanbyul (Korea).

Selain itu, terdapat juga persembahan 'flashmob' di Avenue K, Jalan Ampang dan perkarangan Pavilion, Bukit Bintang pada 27 dan 28 Disember 2019.

Program awalan khalayak pada 31 Disember ini dirancakkan dengan acara interaktif seperti pameran, demonstrasi, permainan kembara budaya, interaktif masakan warisan serta persembahan sisiran kesenian dengan penglibatan pengunjung tempatan dan luar bermula pukul 10 pagi.

Bagi melancarkan pergerakan, pengunjung disarankan agar menggunakan pengangkutan awam sekali gus mengurangkan kesesakan lalu lintas kerana sepanjang program berlangsung, jalan-jalan utama di ibu kota akan ditutup.